

11 Mac 2010

Kesan Mendalam Laporan Hak Asasi Manusia

Merekod kebebasan dan pencabulan hak asasi manusia memberi banyak manfaat

Oleh Jane Morse

Penulis Staf

Washington - Objektif asal Laporan Negara Mengenai Amalan Hak Asasi Manusia tahunan adalah untuk memberi maklumat tentang negara-negara yang menerima bantuan Amerika Syarikat kepada Kongres A.S. "Tetapi laporan ini mempunyai kesan lebih besar dari itu," menurut Michael H. Posner.

"Hari ini, laporan berikut adalah satu-satunya laporan paling menyeluruh yang meninjau hak asasi manusia di seluruh dunia," Posner, yang merupakan pembantu Setiausaha Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia dan Buruh di Jabatan Negara, dalam satu wawancara bersama America.gov. Laporan ini menjadi "asas maklumat tentang apa yang berlaku mengenai hak asasi manusia setiap tahun."

Laporan Hak Asasi Manusia - nama pendek yang sering digunakan - merangkumi laporan mengenai hak-hak sivil, politik dan pekerja yang diiktiraf seperti yang digariskan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Hak-hak ini termasuk kebebasan dari penyeksaan dan layanan kejam, kebebasan dari penahanan berpanjangan tanpa dakwaan, dan kebebasan dari pelanggaran terang-terangan lain seperti hak untuk hidup, kebebasan dan keselamatan.

Laporan ini telah diperluaskan lagi pada tahun ini. Lebih banyak maklumat dilaporkan berkenaan hak-hak pekerja, tentera kanak-kanak, hak-hak reproduktif, amalan-amalan yang membahayakan kaum pribumi dan diskriminasi terhadap golongan homoseksual dan mangsa HIV/AIDS.

"Golongan aktivis di banyak negara bergantung pada laporan tersebut," kata Posner, "kerana laporan ini memberi mereka maklumat yang mereka tidak dapati daripada media mereka sendiri, dan kerana ia dihasilkan oleh kerajaan Amerika Syarikat menjadikan laporan ini penting dan berpengaruh. Kami mendapati kebanyakan aktivis bukan sahaja membaca laporan ini, tetapi juga mengedar dan menyebut laporan ini, dan ia menguatkan kebimbangan mereka mengenai hak asasi manusia dan memberi mereka kewibawaan dalam mendebatkan isu-isu berkenaan hak asasi manusia di dalam masyarakat mereka sendiri."

Menurut Posner laporan ini memberi galakan kepada kerajaan untuk menghormati amalan hak asasi manusia. Beliau memberi penghargaan kepada penemuan-penemuan yang dibuat oleh laporan tahunan kepada penutupan satu pusat tahanan di mana tahanan menderita dalam keadaan yang

mengerikan oleh kerajaan Zimbabwe pada pertengahan 1980-an. Laporan Hak Asasi Manusia, kata Posner, sering memberi sorotan kepada pencabulan yang selalunya terlepas pandang.

"Dan kerajaan yang berada di bawah tekanan dengan penelitian seperti ini memutuskan untuk membuat perubahan," katanya.

Laporan Hak Asasi Manusia memainkan peranan dalam menentukan status pelarian di mahkamah imigresen di Amerika Syarikat, kata Posner. "Laporan ini bukan bersifat sahih, tetapi ia menjadi perkara penting bagi seseorang yang mendakwa takut dihukum jika diusir kembali ke negara asal mereka," kata Posner. "Jadi, laporan itu menjadi dokumen penting dalam keputusan kes mereka."

Posner bertugas di pejabat operasi di Jabatan Negara yang mengumpul, menyusun dan mengedarkan maklumat hak asasi manusia untuk lebih daripada 190 kerajaan sejak bulan September 2009. Selama bertahun-tahun, beliau adalah seorang pengguna dan pengkritik laporan tersebut - pertama sebagai pengarah eksekutif dan kemudian sebagai presiden pertubuhan *Human Rights First*, sebuah organisasi hak asasi manusia antarabangsa yang berpusat di New York dan Washington. Kerjanya membolehkan beliau menghabiskan masa berjam-jam meneliti metodologi, penemuan dan evolusi laporan.

Laporan ini mula diperkenalkan dengan arahan Kongres Amerika Syarikat pada pertengahan 1970-an. Ia terus berkembang dengan memasukkan tinjauan lebih menyeluruh kepada amalan hak asasi manusia sejumlah besar kerajaan di dunia. "Kami kini mempunyai produk yang sangat berbeza," kata Posner. "Ia mempunyai beribu-ribu halaman, menggambarkan pendekatan pengumpulan fakta yang lebih canggih, baik di peringkat kedutaan mahu pun di Washington. Jadi ia adalah dokumen luar biasa yang menyeluruh dan terperinci."

Walaupun kebanyakan pembaca akan lebih menumpukan pada laporan individu negara, Posner lebih tertarik pada kesan penerbitan laporan ini. Laporan Hak Asasi Manusia, "adalah satu alat pendidikan yang paling penting bagi Perkhidmatan Asing Amerika," kata Posner.

"Kami telah menyemai budaya di mana diplomat kita diberi mandat oleh undang-undang untuk keluar dan bertemu dengan para pemimpin hak asasi manusia, wartawan dan aktivis hak asasi manusia, dan masyarakat awam - segenap lapisan masyarakat yang secara tradisinya tidak diberi tumpuan dalam kegiatan pihak kedutaan," kata Posner. "Dan ia memberi kesan luar biasa dari segi sensitiviti pegawai perkhidmatan asing mengenai apa itu hak asasi manusia."

Tujuan Laporan Hak Asasi Manusia adalah untuk melaporkan kebenaran, kata Posner. "Ini pasti akan lebih merumitkan para diplomat kami di seluruh dunia," kata Posner. "Akan ada kerajaan yang marah kerana kami memperkatakan kebenaran. Tapi ia menguatkan integriti laporan ini. Dan ia sebahagian daripada cara kami beroperasi dan apa yang kami akan terus lakukan. Bagi saya kerumitan ini ditenggelamkan oleh kebaikan mempunyai penilaian tepat mengenai apa yang berlaku yang membolehkan kita membuat keputusan bijak mengenai sesuatu dasar."